



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/7 JLD.5(17)
Tarikh : 28 Oktober 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN
HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG
MENGANUT AGAMA HINDU**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, mulai tahun 2018 melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.3.6 Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3. Mulai tahun ini, Kerajaan telah bersetuju supaya **pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod ini sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali.**

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)